

**PUNGUTAN HASIL DAN TERIMAAN BUKAN HASIL SECARA ONLINE
PS 2.2/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
1.	Tujuan	Ketua Pegawai Kewangan
1.1.	Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan peraturan dan pelaksanaan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara <i>online</i> bagi perkhidmatan yang dihoskan di laman sesawang LGM.	
2.	Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Secara Online	
2.1.	Pungutan secara online ini merangkumi transaksi secara direct debit, Kad Kredit (MasterCard dan Visa) dan Kad American Express (Amex). Pelaksanaan transaksi secara direct debit hendaklah melalui Financial Process Exchange (FPX) sebagai Payment Gateway-Payment Gateway Provider perlu juga menyediakan perkhidmatan pembayaran menggunakan Kad Kredit dan Kad Amex.	
2.2.	Bagi pungutan hasil dan terimaan bukan hasil, pembayaran boleh dibuat melalui <i>direct debit</i> , Kad Kredit dan Kad Amex.	
2.3.	Pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara online ini boleh dilaksanakan melalui laman sesawang LGM.	
3.	Kadar Caj Perkhidmatan Secara Online	
3.1.	Perbendaharaan Malaysia telah memutuskan caj perkhidmatan untuk pungutan hasil akan ditanggung oleh Kementerian atau Jabatan. Manakala caj perkhidmatan untuk terimaan bukan hasil seperti pembayaran balik pinjaman perlu dibiayai oleh orang awam.	
3.2.	Bagi melaksanakan kaedah ini, kadar caj perkhidmatan untuk <i>debit</i> melalui FPX adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="368 1435 1193 1507">i. <i>Customer To Government</i> (C2G) adalah tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi; dan<li data-bbox="368 1507 1193 1579">ii. <i>Business To Government</i> (B2G) adalah tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi.	
4.	Syarat Pelantikan Institusi Kewangan (“Bank”)	
4.1.	Urusan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara online boleh dikendalikan melalui mana-mana bank sebagai Payment Gateway Provider yang: <ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="368 1834 1193 1906">i. Dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989;<li data-bbox="368 1906 1193 1977">ii. Mempunyai ibu pejabat atau tempat perniagaan utamanya di Malaysia; dan<li data-bbox="368 1977 1193 2011">iii. Di bawah kawalan tempatan.	

4.2. Bagi memeterai perjanjian di antara LGM dengan bank, format perjanjian yang perlu diguna pakai adalah seperti di **Lampiran A** (*Payment Gateway Provider Agreement*).

5. **Perakaunan Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Secara Online**

5.1. Bagi pungutan hasil dan terimaan bukan hasil, bank yang dilantik boleh menolak caj perkhidmatan pada kadar yang telah ditetapkan daripada amaun kasar yang dipungut dan menyerahkan amaun bersih kepada LGM. Walau bagaimanapun, LGM perlu mengakaunkan amaun kasar yang dipungut sebagai hasil dan jumlah caj perkhidmatan yang telah ditolak oleh bank sebagai perbelanjaan.

5.2. Standard Perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB perakaunan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara online hendaklah juga dirujuk.

5.3. LGM perlu memastikan peruntukan kewangan adalah mencukupi bagi menampung jumlah caj perkhidmatan bagi pungutan hasil yang akan dikenakan oleh bank yang dilantik.